

Kawalan polis bagi kelancaran pemilihan MIC

KUALA LUMPUR 23 Jun - Tiada ruang untuk pengacau yang cuba menjejaskan pemilihan MIC kerana polis Kuala Lumpur telah mengambil langkah awal bagi menjamin kelancaran proses pemilihan itu yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini esok.

Seramai 200 anggota polis akan bertugas mengawal keselamatan dan memastikan kelancaran perjalanan pemilihan itu malah polis Cawangan Khas (SB) akan turut mengawasi keadaan bagi memastikan keharmonian proses itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Sulaiman Mohamad Yusof berkata polis akan mengadakan pemeriksaan tubuh terhadap mereka yang mencurigakan bagi memastikan tiada senjata berbahaya dibawa masuk semasa pemilihan.

"Polis tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa yang membuat kacau. Satu perkara yang saya mahu tegaskan ialah patuhi undang-undang atau mereka dikenakan tindakan," katanya kepada *Bernama*.

Sulaiman berkata beliau akan berusaha memastikan insiden kekecohan pada 4 Jun semasa hari pencalonan untuk pemilihan MIC itu tidak berulang.

Hari pencalonan pemilihan MIC di ibu pejabat parti itu menjadi kecoh apabila para penyokong calon-calon yang bertanding berte gang leher sehingga keadaan menjadi kritikal dan pemimpin parti mengambil inisiatif pantas meredakan keadaan.

Pemilihan esok akan menyaksikan pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden MIC antara penyandanganya Datuk S. Subramaniam dan Naib Presiden parti Datuk G. Palanivel.

- **Bernama**